

Proton e.MAS dan Hot FM membawakan pengalaman baharu dengan siaran radio langsung pertama di Malaysia yang dikuasakan sepenuhnya oleh sebuah e.MAS 5

Alami pengalaman bersama EV mampu milik pertama Malaysia di Starhill, Kuala Lumpur, dari 14 – 16 November 2025

Kuala Lumpur, 14 November 2025 - Proton New Energy Technology Sdn Bhd (PRO-NET), anak syarikat milik penuh PROTON, bakal membawa pameran Proton e.MAS 5 'Own Your Space' ke Starhill, Kuala Lumpur, dari 14 hingga 16 November 2025. Dibuka setiap hari dari jam 10:00 pagi hingga 10:00 malam, pameran tiga hari ini menjemput rakyat Malaysia untuk merasai sendiri EV mampu milik pertama negara dalam suasana yang meriah dan berfokuskan gaya hidup di tengah bandar.

Susulan pelancaran Proton e.MAS 5 pada 30 Oktober 2025, program ini merupakan pameran awam pertama bagi model tersebut, membolehkan rakyat bandar Malaysia mendekati mobiliti elektrik melalui pengalaman secara langsung, integrasi gaya hidup, dan aktiviti praktikal.

"Proton e.MAS 5 direka untuk menepati gaya hidup setiap rakyat Malaysia, daripada pengembara bandar, profesional muda, hingga keluarga yang sedang membesar," kata Puan Salawati Yusoff, Ketua Pegawai Jenama PRO-NET. "Melalui pameran ini, kami mahu orang ramai bukan sekadar melihat kereta, tetapi merasai sendiri pengalaman memiliki ruang mereka sendiri dengan bergaya, selesa dan penuh keyakinan."

Yang Pertama di Malaysia: EV Mampu Milik Pertama Menyokong Siaran Langsung Radio

Pameran ini akan menampilkan sesi langsung istimewa bersama Hot FM bertajuk "Electric on Air" pada Sabtu, 15 November dari jam 4 petang hingga 6 petang, di mana Proton e.MAS 5 akan menjadi EV pertama yang menjana siaran radio secara langsung menggunakan fungsi Vehicle-to-Load (V2L) yang canggih.

Sesi ini akan dikendalikan oleh DJ Hot FM, Fizi dan Aishah, yang akan membawa kehangatan mereka ke Starhill, Kuala Lumpur, untuk siaran luar yang meriah. Dikuasakan sepenuhnya oleh Proton e.MAS 5, rancangan ini akan mempamerkan bagaimana keupayaan V2L EV ini boleh menghidupkan pelbagai aktiviti daripada acara dan hiburan hingga pengalaman gaya hidup, sekali gus memberi nafas baru kepada makna sebenar mobiliti.

Selain siaran langsung, pengunjung boleh menikmati permainan interaktif, aktiviti bersama orang ramai, dan hadiah eksklusif, sambil meneroka Proton e.MAS 5 secara dekat dan mempelajari lebih lanjut tentang ciri-ciri inovatifnya bersama pasukan Proton e.MAS. 200 pengunjung pertama yang melengkapkan borang tempahan juga akan menerima hadiah istimewa.

Sejak pelancarannya, Proton e.MAS 5 telah menerima lebih 10,000 tempahan, menunjukkan permintaan yang tinggi terhadap EV yang mampu milik dan mudah diakses. Model ini kini ditawarkan pada harga pelancaran istimewa bermula daripada RM56,800 untuk varian Prime dan RM69,800 untuk varian Premium (selepas diskaun RM3,000, sah sehingga 31 Disember 2025).

Untuk kemas kini dan maklumat tempahan, layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial).

#PROTONeMAS5 #MostAffordableEV #OwnYourSpace #FreedomThatElectrifies

- Tamat -

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS merupakan jenama kenderaan elektrik dan tenaga baru nasional terulung Malaysia, sebagai sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Memainkan peranan penting dalam penerimaan EV dan pembinaan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited memimpin peralihan ke arah pengangkutan lestari dengan fokus tidak berbelah bahagi terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedarannya yang berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, serta ekosistem yang lengkap memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selari dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan sentiasa menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan standard antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global